

21 NOV 1999

Mahathir-Pengkhinat

ADA MELAYU JADI PENGKHIANAT BANGSA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu, yang iri hati terhadap kejayaan kaum sebangsa dalam bidang ekonomi dan menuruti pandangan orang asing yang tidak senang dengan keamanan di negara ini, adalah pengkhinat bangsa.

Perdana Menteri berkata golongan itu sering mendakwa Bumiputera yang menjadi kaya sebagai kroni kerajaan.

"Siapa sahaja yang kaya dan berjaya, ditakrif sebagai kroni, bermakna tidak bolehlah ada orang kaya, baru tak ada kroni.

"Kalau tak ada orang kaya di kalangan orang Melayu, maka selama-lamanya orang Melayu tidak akan dapat imbalan dengan orang lain dan kalau tak ada imbalan dengan kaum lain, kekallah perasan iri hati dan benci terhadap kaum lain, yang akan membawa kepada rusuhan," katanya ketika berucap melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra malam ini.

Majlis pelancaran manifesto yang menjanjikan Malaysia - Bebas, Sepadu, Maju dihadiri oleh semua pemimpin atau wakil pemimpin parti-parti komponen BN.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata golongan pengkhinat itu lebih rela melihat orang lain menjadi kaya dan orang asing masuk ke negara ini dan mengambil segala kekayaan negara.

"Jenis orang Melayu semacam ini terdapat dalam (Parti) Keadilan dan PAS," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan membantu golongan miskin di negara ini dengan cara mengembangkan ekonomi dan bukan dengan "cara mencuri dari yang kaya untuk diberikan kepada yang miskin seperti Robin Hood".

"Kita tumbuhkan ekonomi kita, kita besarkan kek ekonomi kita, daripada bahagian yang besar itu kita bagi kepada kaum yang kurang. Itu cara kita," katanya.

Mengenai satu perkara yang terkandung dalam manifesto BN iaitu menguatkuasakan undang-undang tanpa memilih bulu atau pangkat, Dr Mahathir berkata undang-undang negara tidak mengecualikan sesiapa.

Katanya tiada siapa yang bebas daripada undang-undang termasuk beliau sendiri.

"Kalau saya buat salah saya boleh didakwa. Kalau Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi buat salah beliau juga akan didakwa," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada pihak yang bercakap tentang "the rule of law" atau pemerintahan undang-undang tetapi apabila didakwa di mahkamah mereka menuduh undang-undang itu tidak adil.

"Tetapi orang yang kata kita mesti ikut the rule of law, apabila kena dakwa di mahkamah, boleh cakap ini satu konspirasi. Orang yang macam ini cakap tak serupa bikin," katanya.

Semasa persidangan berita kemudian, Perdana Menteri berkata bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mendakwa beliau tidak boleh disingkirkan daripada kerajaan tetapi tindakan itu boleh dikenakan terhadap menteri-menteri lain.

"Kalau dia didakwa di mahkamah, dia kata ia satu konspirasi," kata Dr Mahathir yang menolak dakwaan konspirasi Anwar itu kerana mustahil baginya untuk berpakat dengan beratus-ratus orang bagi memastikan Anwar ditangkap.

Semasa ditanya pendapat mengenai keputusan Anwar tidak bertanding dalam pilihan raya umum ke-10 ini kerana bimbang pencalonannya ditolak, Dr

Mahathir berkata: "Apa yang beliau (Anwar) lakukan, akan dipersalahkan kepada kerajaan. Semua salah."

Perdana Menteri berkata Anwar selalu bersikap bahawa beliau sentiasa betul dan "tetap berkeras bahawa beliau tidak bersalah."

-- BERNAMA

NHD NAK